

Lampiran A: Soalan Temubual

Bahagian A.

1. Apakah konsep produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”?
2. Apakah objektif atau matlamat produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”?
3. Bagaimanakah ciri-ciri produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”?
4. Bagaimanakah struktur dan bentuk produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”?
5. Berapakah tempoh masa pelaburan “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”?

Bahagian B

6. Adakah instrumen derivatif digunakan dalam penstrukturan produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”? Sekiranya ada, apakah instrumen derivatif yang digunakan tersebut.
7. Apakah prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan dalam penstrukturan produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”?
 - a) Siapakah yang menstruktur produk tersebut?
 - b) Adakah penasihat Syariah turut berperanan?
8. Apakah akad/kontrak yang digunapakai antara pihak pelabur dengan pihak HSBC Amanah?

9. Difahamkan 90% daripada modal akan dilaburkan dalam sekuriti Islam berpendapatan tetap. Apakah sekuriti tersebut?
10. Bagaimanakah dengan baki modal 10%? Difahamkan baki 10% dari modal digunakan untuk membeli opsyen panggilan dalam ekuiti patuh syariah yang dimiliki oleh HSBC?
 - a) Apakah aset pendasar bagi opsyen tersebut?
 - b) Apakah tahap risiko aset tersebut?
11. Adakah terdapat yuran dan caj yang dikenakan?
12. Apakah perlindungan yang ditawarkan dalam produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" ini?
13. Di manakah dana dilaburkan?
14. Bagaimanakah dana dilaburkan?
15. Adakah jangkaan pelaburan yang dibuat realistik?
16. Bilakah jangkaan pulangan akan dibayar?
 - a) Bagaimanakah keuntungan di bahagikan kepada pelabur?
17. Bolehkah pelaburan dikeluarkan sebelum tempoh matang dan apakah kesannya jika berbuat demikian?
18. Apakah jenis risiko pelaburan dan faktor lain yang akan menjejaskan pulangan contohnya risiko pasaran, risiko kecairan dan sebagainya.
19. Bagaimanakah penerimaan dan sambutan pelanggan terhadap produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" ini?

Lampiran B: Ringkasan Dapatan Temubual

Jawapan kepada temubual yang telah dijalankan telah di transkripsi untuk mendapatkan data-data yang diperlukan berkaitan kajian. Data-data tersebut seperti berikut.

Bil	Perkara	Responden
1.	Objektif produk	Perlindungan modal dengan potensi keuntungan melebihi modal asal pelaburan
2.	Ciri-ciri produk	Pelaburan dalam instrument pelaburan patuh Syariah seperti instrumen berpendapatan tetap <i>ṣukūk</i> dan/atau ekuiti
3.	Tempoh masa pelaburan	Minimum dua tahun dan maksimum 5 tahun
4.	Instrumen derivatif yang digunakan	Bergantung kepada struktur produk. Pelaburan berstruktur menggunakan opsyen untuk potensi keuntungan
5.	Prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan	Berdasarkan kepada konsep <i>wakālah bi al-istithmār</i> . Pelanggan (pelabur) sebagai <i>muwakkil</i> manakala bank bertindak sebagai <i>wakil</i> <i>‘Urbun</i>
6.	Sekuriti yang terlibat	<i>ṣukūk</i> sama ada <i>ṣukūk ijarah</i> atau <i>ṣukūk murabahah</i>
7.	Aset pendasar opsyen	Saham patuh Syariah
8.	Caj dikenakan	Fi <i>wakālah</i> . Kebiasaannya pelanggan akan dikenakan 1% <i>wakalah fee</i> daripada keseluruhan jumlah pelaburan

9.	Perlindungan yang ditawarkan	Perlindungan Modal
10.	Tempat pelaburan dana	Pasaran terbuka seperti Bursa Malaysia atau <i>Dow Jones Islamic Index</i>
11.	Keuntungan kepada pelabur	Bergantung kepada prestasi pasaran. Pulangan atau keuntungan tidak dijamin. Sekiranya terdapat keuntungan, ia akan diserahkan kepada pelanggan semasa tarikh matang pelaburan
12.	Penerimaan pelanggan	Sangat menggalakkan.